

Perwakilan wanita menitiskan air mati dengar taklimat Presiden

UM 1.8 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Beberapa perwakilan Wanita yang ditemui selepas majlis taklimat Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung parti itu menceritakan bahawa kandungan taklimat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kali ini memfokuskan kepada isu perpaduan dalam parti.

Malah, Ketua Wanita Masjid Lama, Kedah, Hapisah @ Hafsa Hamid berkata, beliau

mendengar Dr. Mahathir bercakap dalam nada yang begitu sebak ketika memberikan peringatan mengenai perpaduan itu.

“Saya menitis air mata semasa mendengar kata-kata yang disampaikan oleh Presiden,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini.

Beliau yang telah mengikuti persidangan UMNO

beberapa kali menambah, perbezaan yang diperlihatkan kali ini sangat nyata dan Dr. Mahathir nampak begitu bimbang sekiranya berlaku perpecahan dalam parti.

Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Selangor, Nor Hayati Onn pula berkata, beliau mendapati taklimat kali ini banyak bertumpu kepada isu perpaduan dalaman parti dan tidak menyentuh aspek yang lain.

“Kali ini, beliau tidak menyebut mengenai ekonomi atau sosial tetapi lebih kepada etika parti,” katanya.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Rasah, Negeri Sembilan, Hapsah Hamid berkata, walaupun ucapan Presiden pada kali ini agak singkat, namun ia tetap padat dan menarik.

“Pelbagai amanah dan nasihat berguna dapat dijadikan iktibar,” katanya.